

KESIHATAN

Peniaga, pembeli wajar kerjasama jaga kebersihan pasar

Pasar malam, pasar pagi, pasar tani dan pasar minggu antara pelbagai jenis pasar yang wujud di Malaysia. Ramai yang gemar berkunjung ke pasar kerana kepelbagaian barangan dijual selain harga yang berpatutan.

Kewujudan pasar merencanakan ekonomi setempat. Namun adakah kerancangan ekonomi ini selari dengan kelestarian alam sekitar yang harus dijaga dan dipelihara. Suasana biasa selepas tamat tempoh perniagaan ialah kotoran dan sampah bertaburan.

Tinggalkan tapak pasar bersih

Alangkah baiknya sekiranya tapak pasar ditinggalkan dalam keadaan bersih dengan sampah dikumpul dan dibungkus serta diikat rapi dalam plastik atau bekas sampah disediakan. Jika sampah berkenaan hanya menanti untuk dikutip pada waktu tengah malam atau hari berikutnya oleh pihak berkuasa sudah tentu sampah berkenaan akan diselongkar haiwan.

Dalam situasi ini semua pihak baik peniaga, pembeli atau pengunjung pasar dan pihak berkuasa perlu memainkan peranan

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my.

dalam memastikan kebersihan di tapak pasar. Sikap dan tanggungjawab memelihara alam sekitar harus dipupuk dalam kalangan pengunjung pasar dan juga peniaga.

Membuang sampah haruslah di tempat sepatutnya. Jangan sekali-kali kita fikirkan bahawa tanggungjawab mengurus sampah adalah tugas pihak berkuasa sepenuhnya selepas peniaga



Sampah bertaburan perkara biasa selepas berakhirnya sesuatu aktiviti di atas tanah lapang. [GAMBAR HIASAN]

melunaskan yuran penyelenggaraan tapak pasar.

Kerja mengurus sampah akan menjadi lebih mudah sekiranya pihak berkuasa menyediakan kemudahan seperti plastik biodegradasi bagi peniaga untuk mengurus sampah dan peniaga meninggalkan tapak pasar dalam keadaan bersih.

Pengunjung perlu ubah sikap

Sikap pengunjung pasar juga harus diubah. Gunakan sedikit masa dan tenaga untuk mencari tempat membuang sampah. Jika tiada tempat yang sesuai, pegang atau simpan. Menjadi tanggungjawab pengunjung untuk memastikan sampah dibuang dalam bekas disediakan.

Local Agenda 21 (LA21) adalah komitmen diberikan di Deklarasi

Earth Summit di Rio de Janeiro, Brazil, pada tahun 1992. Ia adalah pelan tindakan global ke arah pembangunan mapan untuk abad ke-21. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah pemegang taruh utama dalam memastikan LA21 di Malaysia dilaksanakan, selari komitmen diberikan.

Peranan pihak berkuasa tempatan dalam hal ini amatlah signifikan dalam memastikan komitmen LA21 dapat dicapai dan kesannya dapat dinikmati semua pihak. Sistem dan penguatkuasaan dalam menguruskan sampah di tapak pasar harus sistematik dan mampu menjimatkan kos, masa dan tenaga di samping memastikan hal ehwal alam sekitar dapat dipelihara dan diurus tadbir dengan baik.

Isu membuang sampah di

merata tempat mungkin dipandang enteng dan remeh bagi sesetengah pihak tetapi pokok pangkalnya membuang sampah di tempat sepatutnya adalah tanda kita menzahirkan fasa cinta terhadap negara. Baik warganegara atau bukan rasa tanggungjawab seperti ini perlu lahir dalam diri kerana negara ini adalah tempat kita mencurahkan bakti dan mencari rezeki.

Peliharalah negara kita daripada dirosakkan dan dimusnahkan kerana pada hakikatnya kerosakan itu bermula dengan tangan manusia. Tangan anugerah Ilahi, kalau pun tidak mampu menabur bakti jagalah supaya tidak menyakiti.

Dr Adzidah Yaakob

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia